

1,000 penyata GST yang dihantar berisiko untuk diambil tindakan

PUTRAJAYA – Kecanggihan sistem MyGST Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bukan sahaja dapat membendung penipuan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) malah berjaya mengesan 20 peratus atau hampir 1,000 penyata yang berisiko untuk dikenakan tindakan undang-undang.

Pengarah Bahagian GST JKDM, Datuk T. Subromaniam berkata, penyata tuntutan balik GST yang diserahkan oleh peniaga kepada JKDM itu di-



SUBROMANIAM



dapati meragukan selepas dianalisis oleh sistem berkenaan.

Katanya, penyata berkenaan dikategorikan sebagai cacat kerana ada kemungkinan syarikat-syarikat dalam pelbagai bidang industri itu terlibat dalam pengikraran tidak betul, kurang bayar GST, terlebih

tuntut cukai input serta pengelakan cukai dan penipuan.

“Sistem ini terlalu canggih sehingga ia dapat mengesan segala bentuk penipuan yang cuba dilakukan termasuk mengesan berapa banyak pembetulan yang dilakukan oleh peniaga ke atas penyata yang telah dihantar mereka,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, setakat ini pihaknya telah menerima 5,000 penyata GST dan kebanyakan syarikat yang penyataanya didapati berisiko terdiri daripada perusahaan kecil dan sederhana.